



**PANDUAN PELAKSANAAN AKREDITASI *CONTINUOUS PHARMACY  
EDUCATION* (CPE) DI FASILITI FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
2018**

# KANDUNGAN

| <b>PERKARA</b>  | <b>MUKA SURAT</b> |
|---|-------------------|
| KANDUNGAN.....  | i                 |
| TUJUAN.....   | 1                 |
| LATAR BELAKANG.....   | 1                 |
| SKOP.....   | 2                 |
| PENGANJURAN AKTIVITI CPE.....   | 2-4               |
| AKREDITASI.....   | 4                 |
| PENILAI AKTIVITI CPE.....   | 4                 |
| PEMOHONAN PENGANJURAN AKTIVITI CPE.....   | 5                 |
| PELANGGARAN.....  | 5                 |
| RUJUKAN.....  | 6                 |
| GLOSARI.....  |                   |
| LAMPIRAN.....   | 8-11              |
| LAMPIRAN A: CARTA ALIR PEMOHONAN UNTUK MENGADAKAN AKTIVITI<br>CPE DI FASILITI FARMASI KKM.....  | 9                 |
| LAMPIRAN B: BORANG PERAKUAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI<br><i>CONTINUOUS PHARMACY EDUCATION</i> (CPE) DARI WAKIL<br>CPE <i>PROVIDER</i> ..... | 10                |
| LAMPIRAN C: SENARAI SEMAK AKREDITASI CPE <i>PROVIDER</i> .....  | 11                |

# **PANDUAN PELAKSANAAN AKREDITASI *CONTINUOUS PHARMACY EDUCATION* (CPE) DI FASILITI FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

## **TUJUAN**

1. Panduan ini adalah sebagai rujukan kepada anggota farmasi untuk melaksanakan akreditasi CPE di fasiliti masing-masing bagi memastikan aktiviti tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan serta dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada anggota farmasi.
2. Selain itu, panduan ini bertujuan untuk memastikan kandungan CPE adalah berbentuk pembelajaran, tidak *bias* dan tiada unsur pengaruh kepada penggunaan/pembelian/pengedaran sebarang perkhidmatan atau produk yang mempunyai kepentingan komersial (*commercial interest*).
3. Pemantauan kredibiliti peganjur aktiviti CPE (*CPE Provider*) melalui proses akreditasi *provider* adalah penting dan kritikal bagi memastikan ilmu pengetahuan yang disampaikan adalah berkualiti, serta mencapai objektif dan kriteria yang disasarkan

## **LATAR BELAKANG**

4. Aktiviti *Continuous Pharmacy Education* (CPE) adalah merupakan aktiviti yang dapat membantu dalam menyumbang kepada pertambahan ilmu pengetahuan, perkongsian pengalaman dan kemahiran bagi meningkatkan lagi profesionalisme anggota farmasi. Aktiviti ini turut bertujuan untuk memberikan pembelajaran secara berterusan kepada anggota farmasi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan dengan penjagaan kesihatan, penyakit dan rawatan, ubat-ubatan, sistem maklumat kesihatan, laporan kesihatan serta lain-lain maklumat yang berkaitan kesihatan dan perubatan. Aktiviti ini juga akan meningkatkan kompetensi anggota farmasi dengan ilmu pengetahuan yang terkini serta selari dengan peredaran semasa

5. Bagi meningkatkan kompetensi anggota Farmasi selaras dengan perkembangan terkini, kredibiliti pembekal (peganjur) aktiviti CPE (CPE *Provider*) perlu dipantau agar aktiviti CPE tersebut mencapai matlamatnya dalammemperkasakan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat

## **SKOP**

6. Panduan ini adalah terpakai di semua fasiliti farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

## **PENGANJURAN AKTIVITI CPE**

7. Penganjuran aktiviti CPE terutama yang melibatkan sektor swasta perlu dipantau dan diakreditasi sebelum aktiviti tersebut dibenarkan untuk dilaksanakan di sesebuah fasiliti. Perkara yang perlu diambil perhatian adalah:

### **7.1. CPE Provider**

Pihak yang boleh menganjurkan aktiviti CPE adalah seperti berikut:

- i. Institusi-institusi latihan (contoh; Universiti, Institusi Kesihatan, NIOSH, dll)
- ii. Badan -badan dan persatuan-persatuan profesional
- iii. Healthcare *organization* – kerajaan atau swasta
- iv. Badan-badan NGO yang terlibat dalam aktiviti kesihatan
- v. Pengeluar produk perubatan

*\*Syarikat pengeluar produk perubatan **TIDAK** dibenarkan menjadi provider tunggal untuk sebarang aktiviti CPE. Syarikat pengeluar produk perubatan perlu bekerjasama dengan mana-mana provider yang telah diakreditasi dalam penganjuran aktiviti CPE.*

## 7.2. Penceramah

Kriteria yang perlu ada pada penceramah dalam penyampaian CPE:

- i. Mempunyai kelayakan dan kelulusan akademik bersesuaian
- ii. Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam bidang yang berkaitan
- iii. Mempunyai kepakaran dalam topik penyampaian CPE

## 7.3. Topik/Isi Kandungan Ceramah

Kriteria penentuan topik/isi kandungan ceramah adalah seperti berikut:

- i. Pemilihan topik perlulah berkait dengan pembangunan kompetensi profesion kesihatan terutamanya profesion Farmasi
- ii. Kandungan CPE adalah berbentuk pembelajaran dan tiada unsur pengaruh kepada penggunaan/pembelian/pengedaran sebarang perkhidmatan atau produk yang mempunyai kepentingan komersial
- iii. Penggunaan nama generik produk lebih diutamakan semasa aktiviti
- iv. Tidak *bias*
- v. Terkini

## 7.4. Kumpulan Sasar

Penyertaan peserta perlu terbuka kepada semua anggota farmasi dan profesion kesihatan yang lain

## 7.5. Tarikh/Masa/Tempat

Pemilihan tarikh, masa, dan tempat adalah tertakluk kepada kesesuaian di fasiliti tersebut. Jika aktiviti dijalankan di luar fasiliti kerajaan, CPE *Provider* adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi menyediakan kemudahan-prasarana yang bersesuaian semasa aktiviti CPE di jalankan

## 7.6. Tanggungjawab CPE *Provider*

CPE *Provider* perlu memastikan aktiviti CPE yang dijalankan mematuhi perkara berikut:

- i. Objektif CPE adalah bagi tujuan pembelajaran berterusan
- ii. Setiap maklumat yang disampaikan adalah kandungan yang sah, tidak *bias*, dan terkini dalam rawatan atau amalan yang digunakan

- iii. Memberi peluang untuk perbincangan terbuka di mana semua ahli dapat mengutarakan pandangan yang berkaitan
- iv. Keperluan mengisytiharan sebarang hubungan peribadi dengan anggota dalam organisasi farmasi semasa mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan atau Penyelaras CPD
- v. Tidak menjadikan aktiviti CPE sebagai *platform* pengiklanan produk *provider*
- vi. Pematuhan kepada perkara-perkara di dalam **Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah untuk Anggota Farmasi, KKM Edisi Kedua, November 2012** jika sekiranya aktiviti CPE dianjurkan oleh pihak swasta

## AKREDITASI

8. Akreditasi Akreditasi adalah satu proses yang melibatkan semakan dokumen (seperti di Lampiran A) dan penilaian bagi memastikan aktiviti CPE yang dijalankan mencapai objektif yang ditetapkan. Penilaian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada:
  - 8.1. Tujuan/keperluan pelaksanaan aktiviti CPE perlu jelas
  - 8.2. Kandungan/bahan CPE adalah berkaitan dengan tujuan/keperluan pelaksanaan aktiviti CPE
  - 8.3. Kumpulan sasaran aktiviti CPE adalah terbuka kepada semua anggota farmasi dan profesion kesihatan lain

## PENILAIAN AKTIVITI CPE

9. Penilaian aktiviti CPE boleh dilaksanakan oleh anggota farmasi berikut:
  - 9.1. Ketua Jabatan; atau
  - 9.2. Ketua Pegawai Farmasi; atau
  - 9.3. Pegawai Farmasi yang bertanggungjawab dalam mengurus, merancang, dan menjalankan aktiviti CPE di fasiliti farmasi KKM; atau
  - 9.4. Pegawai Farmasi yang bertugas sebagai Penyelaras CPD di fasiliti KKM

## PERMOHONAN PENGANJURAN AKTIVITI CPE

10. Semua permohonan aktiviti CPE yang dirancang oleh *provider* di fasiliti farmasi KKM perlu melalui Ketua Jabatan Farmasi atau Pegawai Penyelaras CPD di fasiliti tersebut. Proses permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Wakil CPE *Provider* perlu menandatangani borang perakuan di **LAMPIRAN B**. Senarai semak bagi proses akreditasi *provider* oleh Ketua Jabatan atau Penyelaras CPD seperti di **LAMPIRAN C**

## PELANGGARAN

11. Sebarang pelanggaran dalam mana-mana perkara dalam Borang Perakuan Bagi Menjalankan Aktiviti *Continuous Pharmacy Education* (CPE) atau **Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah untuk Anggota Farmasi, KKM Edisi Kedua, November 2012** tindakan seperti surat amaran boleh diambil ke atas pihak *Provider* CPE

## RUJUKAN

- i. Garis Panduan untuk Anggota Farmasi Berurusan dengan Wakil Syarikat Farmaseutikal dan Pembekal, Kementerian Kesihatan Malaysia
- ii. Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah Untuk Anggota Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, Edisi Kedua, November 2012
- iii. Garis Panduan Pelaksanaan Pembangunan Profesional Berterusan [Continuing Profesional Development (CPD)] 2016
- iv. *ACCME Standards For Commercial Support<sup>sm</sup>, Standards to Ensure the Independence of CME Activities*
- v. *Guidelines to CME Organizers, Kuwait Institute for Medical Specialization 2003*
- vi. *Guide to Compulsory CPE for Programmer Providers, Singapore Pharmacy Board, Version 1.0, Aug 2006.*



## GLOSARI

“**Akreditasi**” proses penilaian aktiviti CPE berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan

“**Kepentingan Komersial (*Commercial Interest*)**” aktiviti yang akan menjurus ke arah mempengaruhi penggunaan atau pembelian atau pengedaran produk

“**Penyelaras CPD**” pegawai yang bertanggungjawab dalam mengurus, merancang, dan menjalankan aktiviti CPE bagi sesebuah fasiliti farmasi kerajaan


“**Pembelajaran**” ialah proses perubahan hasil daripada pengalaman secara realtif ke atas pelakuan (*behavior*). Ianya melibatkan setiap individu menerima pembelajaran mengikut keperluan masing-masing sama ada mengikut kaedah eksperimen, analisis dan keupayaan menggunakan pengalaman seumur hidup

“**Produk**” merangkumi apa-apa bahan atau peranti yang mengandungi ubat untuk kegunaan manusia secara eksternal atau internal bagi tujuan perubatan atau rawatan

# LAMPIRAN

## LAMPIRAN A

### CARTA ALIR PEMOHONAN UNTUK MENGADAKAN AKTIVITI CPE DI FASILITI FARMASI KKM



#### TANGGUNGJAWAB Provider

Ketua Jabatan/ Penyelaras CPD  
Ketua Jabatan/ Penyelaras CPD

Ketua Jabatan/ Penyelaras CPD  
Penyelaras CPD

Ketua Jabatan/ Penyelaras CPD

Penyelaras CPD

#### TINDAKAN

1. Sediakan dokumen permohonan
  - Surat permohonan (2 bulan sebelum tarikh CPE dirancang)
  - Borang perakuan, slaid pembentangan, CV penceramah dan brosur (sebulan [1] sebelum tarikh CPE dirancang)
2. Terima permohonan daripada *provider* bersama dokumen untuk semakan
3. Semak dan pastikan dokumen-dokumen yang diberikan memenuhi perkara yang ditetapkan
4. Lulus atau tolak. Pemohonan yang ditolak akan dimaklumkan kepada *provider*
5. Maklumkan cadangan tarikh dan tempat CPE diadakan
6. Penilaian semasa sesi CPE dijalankan, jika tidak patuh tindakan seperti surat amaran boleh dikenakan
7. Rekod aktiviti CPE yang telah dijalankan



**BORANG PERAKUAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI *CONTINUOUS***  
***PHARMACY EDUCATION (CPE) DARI WAKIL CPE PROVIDER***

Tajuk CPE : \_\_\_\_\_

Nama *Provider* : \_\_\_\_\_

Saya dengan ini bersetuju dan memperakui bahawa:-

1. Kandungan CPE ini adalah berbentuk pembelajaran dan tidak menjurus ke arah mempengaruhi penggunaan atau pembelian atau pengedaran produk (*commercial interest*);
2. Setiap maklumat yang disampaikan adalah kandungan yang sah, tidak *bias*, dan terkini dalam rawatan atau amalan yang digunakan;
3. Sesi CPE ini memberi peluang untuk perbincangan terbuka di mana semua ahli dapat mengutarakan pandangan yang berkaitan;
4. Kandungan CPE ini sesuatu yang terbuka kepada semua pihak tidak hanya tertumpu golongan tertentu sahaja;
5. Tiada sebarang hubungan peribadi anggota di dalam organisasi farmasi;
6. Tiada sebarang pelanggaran kepada perkara di atas dan Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah untuk Penjawat Awam di Bawah Program Farmasi;
7. Jika berlaku sebarang pelanggaran mana-mana perkara diatas, pihak *provider* boleh dikenakan tindakan seperti surat amaran boleh diambil ke atas pihak *provider*.

\*sila sertakan bersama identiti diri semasa berurusan

\*masa berurusan hanya pada hari bekerja dan waktu yang telah ditetapkan sahaja.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan  
Nama :  
Cop Rasmi :  
Tarikh :

Alamat Email :  
No. Tel :

**SENARAI SEMAK**  
**AKREDITASI CPE PROVIDER**

Senarai semak ini adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan aktiviti CPE yang dijalankan adalah berkualiti, beretika dan berintegriti.

Nama : Tajuk CPE :  
 Jawatan : *Provider* :  
 Gred : Tarikh :

| Bil | Perkara   | Ya | Tidak |
|-----|---|----|-------|
| 1   | Kandungan CPE mestilah berbentuk pembelajaran dan tidak menjurus ke arah mempengaruhi penggunaan atau pembelian atau pengedaran produk ( <i>commercial interest</i> ) |    |       |
| 2   | Semasa CPE dijalankan, setiap maklumat yang disampaikan adalah kandungan yang sah dan terkini beserta rujukan dalam rawatan atau amalan yang digunakan                |    |       |
| 3   | Sesi CPE mesti memberi peluang untuk perbincangan terbuka di mana semua ahli dapat mengutarakan pandangan yang berkaitan  |    |       |
| 4   | Penglibatan hendaklah terbuka kepada semua pihak dan tidak hanya tertumpu golongan tertentu sahaja  |    |       |

Ulasan

\*Ahli akreditasi terdiri daripada penyelar CPD atau Ketua Jabatan

Tandatangan

\_\_\_\_\_  
 (Cop Rasmi)